

**MSBC Catat Kemajuan Baik Dalam Perbincangan Isu Promosi Pelaburan Di
Malaysia
Bernama
23 Ogos, 2011
Oleh Tengku Noor Shamsiah Tengku Abdullah**

SINGAPURA, 23 Ogos (Bernama) -- Majlis Perniagaan Malaysia-Singapura (MSBC) mencapai kemajuan yang baik dalam perbincangan berhubung isu-isu perdagangan yang tertangguh dalam usaha mempromosi pelaburan di Malaysia, pada mesyuarat awalnya.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata beliau telah bertemu masyarakat perniagaan Singapura secara berkala.

"Kami sudah menghidupkan MSBC dan kami kini kembali aktif," katanya kepada Bernama selepas mempengerusikan mesyuarat Persekutuan Perniagaan Singapura (SBF) di sini hari ini.

Mustapa sebelum itu mempengerusikan mesyuarat pra-Majlis MSBC.

Turut hadir ialah Persurujaya Tinggi Malaysia di Singapura Datuk Md Hussin Nayan, Pengerusi SBF Tony Chew, Timbalan Ketua Pengarah II Perbadanan Pembangunan Pelaburan Malaysia Datuk Azman Mahmud dan pengarah kanan (pelaburan) Phang Ah Tong.

Sektor swasta diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutif InvestKL Zainal Amanshah dan Ketua Pegawai Eksekutif Wilayah Pembangunan Iskandar, Hilmi Mohd Nashir.

Mustapa berada di republik ini untuk mengkaji hasil usaha MSBC, terutama pembabitan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Singapura yang melabur di Malaysia.

"Saya mengkaji hasil yang penting... apa yang kami lakukan pagi ini ialah mengkaji dan membincangkan permintaan syarikat.

"Kami berbincang mengenai PKS yang merupakan bidang yang penting... mengenai PKS Singapura yang mahu membuka operasi di Malaysia," katanya.

Mustapa berkata ia merupakan kali pertama isu berkaitan PKS dibincangkan secara terperinci.

Antara isu yang dibincangkan ialah imigresen, kastam dan birokrasi perdagangan.

-- BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsbusiness.php?id=609992>